

▼03/08/17-28MST

CNS5961

U GB 03-08 00159 BA593

agb

Mahathir - APEC

MAHATHIR SEKALI LAGI TEGASKAN TIDAK AKAN HADIR MESYUARAT APEC  
Daripada Ali Mamat

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi menegaskan bahawa beliau tidak akan menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle, November depan.

Pendirian itu diambil kerana kekhawatiran Malaysia selama ini bahawa APEC akan dijadikan sebuah badan yang formal untuk menggunakan tenaga APEC dalam menolong negara-negara anggotanya yang kuat, kini telah menjadi kenyataan, katanya.

"Kekhawatiran kita bahawa APEC akan diperalatkan kuasa-kuasa besar, kini menjadi kenyataan. Dulu mereka kata APEC tidak perlu ada sekretariat tapi kini sekretariat itu sudah diwujudkan," katanya kepada pemberita di sini pada akhir lawatan tiga harinya ke Brunei.

Mesyuarat ketua-ketua kerajaan anggota APEC di Seattle itu dicadangkan oleh Presiden Bill Clinton baru-baru ini dan Dr Mahathir sudah menyuarakan pendiriannya tidak akan menghadiri perjumpaan itu. -- lagi.

▼03/08/17-34MST

CNS5968

U GB 03-08 00119 BA594

aab

Mahathir - APEC 2 (Akhir) Bandar Seri Begawan

Dr Mahathir berkata, cadangan Menteri Luar Australia Gareth Evans baru-baru ini agar APEC dinaikkan taraf kepada sebuah komuniti sebagai menggantikan kerjasama, memang membuktikan bahawa dari awal lagi hasratnya ialah untuk mengadakan satu "kumpulan perdagangan" untuk kepentingan negara-negara yang kuat ekonominya, bukan untuk kepentingan negara-negara yang lemah.

"Inilah yang kita takut...macam kata pepatah masuk jarum masuklah kelindan...Dulu kata APEC ialah sebuah badan yang informal dengan tujuan mengadakan projek-projek yang boleh disertai oleh negara-negara anggota yang ketinggalan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia bersetuju menyertai APEC kerana menyangka tujuannya ialah untuk membantu negara-negara lemah itu meningkatkan keupayaan mereka. -- Bernama

AM NMO

▼03/08/17-36MST